



THE ASSOCIATION OF CONSULTING ENGINEERS MALAYSIA
Company No.: 196301000185 (5070-M)
(Established 25 June 1963)

PERSATUAN JURUTERA PERUNDING MALAYSIA

Suite 20-9, Level 20, Menara 1MK, No. 1, Jalan Kiara, Mont' Kiara, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Tel: +60 3 6211 0031 / +60 12 519 0031 / +60 12 529 0031 E-mail: sec@acem.com.my Website: www.acem.com.my

Rujukan Tuan:

Tarikh: 29 Mac 2020

Rujukan Kami: DMA/RI/2020/30881

:

2019/2020 SESSION

President:

Datuk Ir. Mohd Adnan bin Mohd Nor

Deputy President:

Ir. K. Sundraraj

Honorary Secretary:

Ir. Hj. Anuar b Mohd Aris

Honorary Treasurer:

Ir. Ahmad Rashidi b Zainudin

Immediate Past President:

Ir. Dr. Wong Wai Wah

Council Members:

Datuk Ir. Mustaza b Salim
Ir. Chong Chew Fan
Ir. Kuah Kee Hong
Ir. Liew Shaw Shong
Ir. Lee Tet Fon
Ir. Lainus Ak. Lichok
Ir. Sharifah Azlina bt Raja Kamal Pasmah
Ir. Romesh Srinivasan

CHAIRS OF STANDING COMMITTEES

Corporate & Communication:

Ir. Sharifah Azlina bt Raja Kamal Pasmah

Finance & Administration:

Ir. Ahmad Rashidi b Zainudin

Information & Communication Technology:

Ir. Kuah Kee Hong

Insurance:

Ir. Liew Shaw Shong

Membership:

Datuk Ir. Mustaza b Salim

Practice:

Ir. K. Sundraraj

Publications:

Ir. Romesh Srinivasan

Training & Education:

Ir. Chong Chew Fan

YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin Perdana Menteri Malaysia

Jabatan Perdana Menteri
Setia Perdana 8, Kompleks Setia Perdana
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Putrajaya, Malaysia

Assalamualaikum YAB Tan Sri,

Rayuan supaya Kerajaan Malaysia dapat membantu syarikat-syarikat perunding kejuruteraan yang menghadapi masalah aliran tunai dalam keadaan pandemik Covid-19

Terlebih dahulu, kami berdo'a agar YAB Tan Sri diberi kesihatan dan afiyah dan diberi kekuatan untuk terus menerajui negara menghadapi pandemic Covid-19 yang kini melanda negara dan seluruh dunia.

Dengan segala hormatnya kami daripada Persatuan Jurutera Perunding Malaysia (ACEM; the Association of Consulting Engineers Malaysia) dengan ini memohon pertimbangan YAB Tan Sri untuk Kerajaan Malaysia membantu syarikat-syarikat perunding kejuruteraan yang sudah mula menghadapi masalah aliran tunai untuk bayaran gaji pekerja mereka dalam keadaan pandemik covid-19 ini.

Lanjutan daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), kebanyakan aktiviti pembinaan dan pembangunan terpaksa dihentikan. Ini bermakna syarikat tidak dapat membuat tuntutan kemajuan kerja dan klien pula tidak akan membayar jika kerja-kerja tidak disiapkan mengikut perjanjian kerja. Syarikat-syarikat jurutera perunding terpaksa teruskan bayaran gaji pekerja dan kos-kos lain daripada rezab tunai mereka.

Memandangkan kebanyakan daripada syarikat-syarikat jurutera perunding adalah dalam kategori Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan tidak mempunyai aliran tunai yang kukuh maupun simpanan, mereka akan terpaksa memberhentikan pekerjaan kakitangan atau terpaksa memberi cuti tanpa gaji dalam tempoh sebulan dua ini.

Semua ahli-ahli ACEM berasa amat berat untuk mengambil tindakan seumpama itu. Lebih-lebih lagi mereka adalah pekerja mahir dan aset untuk pembangunan Negara.



MEMBER ASSOCIATION OF THE
INTERNATIONAL FEDERATION OF
CONSULTING ENGINEERS



MEMBER ASSOCIATION OF THE
FEDERATION OF ASEAN
CONSULTING ENGINEERS



THE ASSOCIATION OF CONSULTING ENGINEERS MALAYSIA
Company No.: 196301000185 (5070-M)
(Established 25 June 1963)

PERSATUAN JURUTERA PERUNDING MALAYSIA

Suite 20-9, Level 20, Menara 1MK, No. 1, Jalan Kiara, Mont' Kiara, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tel: +60 3 6211 0031 / +60 12 519 0031 / +60 12 529 0031 E-mail: sec@acem.com.my Website: www.acem.com.my

Tanpa bantuan, kami khawatir banyak syarikat-syarikat jurutera perunding akan menghadapi kesukaran untuk terus beroperasi.

YAB Tan Sri, Justeru, ACEM ingin mencadang dan merayu kepada YAB Tan Sri supaya Kerajaan Malaysia dapat, dengan segera, menghulurkan bantuan secara geran sekurang-kurangnya 60% daripada gaji pekerja syarikat-syarikat jurutera perunding untuk memastikan kesinambungan industri perunding kejuruteraan. Kami bersedia untuk berjumpa dengan pihak YAB Tan Sri untuk memberi keterangan lanjut berkaitan perkara ini.

Di atas pertimbangan dan kelulusan YAB terhadap rayuan kami ini didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Yang benar,

PERSATUAN JURUTERA PERUNDING MALAYSIA (ACEM)

Datuk Ir. Mohd Adnan bin Mohd Nor
PRESIDEN

DMA/RI

s.k:

1. **YB Dato' Sri Mustapa Mohamed**
Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi)
Jabatan Perdana Menteri,
Aras 6, Setia Perdana 5, Kompleks Setia Perdana,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62502 Putrajaya, Malaysia
2. **YB Senator Dato' Sri Tengku Zafrul Tengku Abdul Aziz**
Menteri Kewangan
Kementerian Kewangan Malaysia
Aras 12 Blok Tengah,
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 Putrajaya, Malaysia.